

# **PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

**27 ~ 28 MEI 2002**

**HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG**

**Anjuran :**



**Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pahang**

**Dengan Kerjasama**



**Kerajaan  
Negeri Pahang Darul Makmur**

**JILID 2**



## **PERSEPSI GURU-GURU TERHADAP PERSEKOLAHAN SATU SESI**

**SYED JAMAL ABDUL NASIR BIN SYED MOHAMAD**

Universiti Teknologi MARA,Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, PAHANG

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan meninjau persepsi guru-guru terhadap rancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan sistem persekolahan satu sesi. Kajian ini dijalankan secara penyelidikan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengukur persepsi guru-guru terhadap sekolah satu sesi. Hasil kajian mendapat persepsi guru-guru terhadap perlaksanaan sekolah satu sesi adalah positif apabila 55% daripada guru-guru tersebut bersetuju dengan cadangan sekolah satu sesi. Walau bagaimanapun 55% daripada guru-guru tersebut menyatakan bahawa sekolah satu sesi hanya sesuai dilaksanakan pada tahun 2020. Perbezaan jantina dan sesi guru mengajar tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam memperengaruhi persepsi guru.*

*Kata Kunci:* Sekolah Satu Sesi

### **PENDAHULUAN**

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami proses perubahan sejak ia mula diperkenalkan. Hal ini dibenarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad yang membuat pernyataan,

“Entah berapa banyak perubahan dalam system pendidikan negara yang berlaku sejak awal kurun ke-20...sistem pendidikan negara tentu tidak akan maju jika tidak ada perubahan untuk menyesuaikan keadaan zaman.”

(Berita Harian 11 Januari 1997)

Ia bermula dengan sistem pendidikan tradisional yang berteraskan agama Islam yang begitu dominan mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu sebelum merdeka (Abu Zahari Abu Bakar, 1980 dan Raja Mukhtaruddin, 1982). Miler T.W.G. (Abu Zahari Abu Bakar 1980:6) mengatakan bahawa,

“...pendidikan rasmi untuk kanak-kanak Melayu bermula semasa ia berumur enam tahun di kelas Quran. Di situ ia diajar oleh imam tentang cara-cara bersopan santun, membaca doa dan mengaji Quran”.

Apabila penjajah Inggeris datang ke Tanah Melayu pada tahun 1786 di Pulau Pinang (Nazaruddin M Jali, 1992) sistem pendidikan di Tanah Melayu telah mengalami perubahan yang besar. Pada masa penjajahan British sistem persekolahan Tanah Melayu adalah seperti berikut:-

1. Sistem Sekolah Vernakular Melayu
2. Sistem Sekolah Vernakular Cina
3. Sistem Sekolah Vernakular Tamil
4. Sistem Sekolah Inggeris

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sistem pendidikan Tanah terus mengalami perubahan. Laporan Rahman Talib telah diperkenalkan. Pada tahun 1979, Laporan Kabinet telah diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohamad (Kamruddi Hj. Husin, 1994). Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dibentuk dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 1983 yang menekankan tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira (3M). Kurikulum Bersepadu ekolah Menengah pula telah dilaksanakan pada tahun 1986.

Pada tahun 1994, sistem pendidikan di Malaysia telah digemparkan dengan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan sistem persekolahan satu sesi. Cadangan ini telah mendapat reaksi pelbagai lapisan masyarakat yang akhirnya terpaksa dibatalkan kerana tekanan ang kuat daripada pihak ibubapa yang tidak mahu melihat sekolah agama pada waktu petang terjejas (Star 26 Januari 1997). Walau bagaimanapun , baru-baru Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengembalikan isu ini dengan pengumuman akan menjalankan sekolah satu sesi di 28 buah sekolah ebagni projek perintis pada 9

Jun 1997 (Berita Harian 6 Januari 1997). Pelbagai reaksi telah timbul kembali daripada pebagai pihak termasuk Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) yang pada mulanya menyambut dingin cadangan tersebut. Cadangan ini juga telah mendapat komen Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu sekolah satu sesi dilaksanakan. Dr. Mahathir berpendapat bahawa kelas satu sesi lebih banyak membawa manfaat bagi mencapai cita-cita menjadi bangsa yang maju (Berita Harian 11 Januari 1997).

Setelah pandangan Perdana Menteri disiarkan, cadangan sekolah satu sesi telah mula diterima oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk KPPK (Utusan Malaysia 11 Januari 1997). Pada amnya konsep sekolah satu sesi yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan adalah seperti berikut:-

#### **Jadual 1: Perbandingan Sistem Sekolah Satu Sesi dan Sekarang**

Persekolahan Sekarang	Persekolahan Satu Sesi
<p>Jumlah Minit: 5 jam 40 minit (340 minit sehari)</p> <p>Sesi Persekolahan: Pagi sahaja pagi dan petang sahaja.</p>	<p>7 jam ( 8 pagi – 3.30 petang)-450 minit sahri Pagi sahaja</p> <p>Jadual waktu anjal Wajib menyertai Ko-kurikulum Lebih masa untuk berinteraksi antara guru dan murid</p>

Star 26 Januari 1997

#### **PENYATAAN MASALAH**

Cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan sistem persekolahan satu sesi terhadap dua puluh lapan buah sekolah di Malaysia pada sembilan Jun 1997 sebagai projek perintis telah membangkitkan reaksi banyak pihak (Star, 26 Januari 1997). Keadaan ini timbul kerana cadangan perlaksanaan persekolahan satu sesi telah pun dibatalkan oleh kabinet pada tahun 1995 apabila ia mendapat tentangan pelbagai pihak pada mula ia dicadangkan iaitu pada tahun 1994. Keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia ini telah mendapat sokongan pihak pemerintah terutama Perdana Menteri seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) pada mulanya telah memberi reaksi yang negatif terhadap cadangan ini dengan pelbagai alas an seperti beban tugas yang berlebihan terhadap guru, kekurangan kemudahan fizikal yang cukup, kesesakan lalu lintas akibat daripada pertembungan waktu balik yang sama dengan kakitangan awam yang lain, dan beban kewangan yang akan ditanggung oleh pihak penjaga kerana terpaksa membelanjakan wang yang lebih untuk membeli makanan tengahari (Star, 26 Januari 1997). Walaubagaimanapun setelah penegasan Perdana Menteri untuk melaksanakan juga sistem ini, pihak KPPK akhirnya telah bersetuju dengan beberapa syarat yang mestilah dipatuhi oleh Kementerian Pendidikan seperti jadual waktu anjal, kerja lima hari seminggu dan beban kerja yang setimpal.

Ibubapa juga menunjukkan pelbagai reaksi terhadap perlaksanaan ini. Ibubapa yang bimbang terjejasnya sekolah agama waktu petang yang telah diperlakukan sekian lama terutama di negeri Johor telah membantah keras cadangan ini. Mereka bimbang anak-anak mereka akan ketinggalan dalam pendidikan agama yang akan memburukkan lagi masalah sosial remaja.

Berdasarkan senario ini, di dapat ada pihak yang bersedia menerima perubahan dan ada pihak yang sukar menerima perubahan yang diperkenalkan. Oleh yang demikian satu kajian perlu dilakukan untuk menilai persepsi atau tanggapan guru terhadap cadangan perlaksanaan sekolah satu sesi di negara ini.

#### **Soalan Kajian**

Penilaian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:-

1. Adakah guru-guru Sekolah Menengah Puchong Batu 8, bersetuju dengan cadangan perlaksanaan sekolah satu sesi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?

2. Adakah sekolah satu sesi sesuai dilaksanakan?
3. Apakah kekangan yang akan dihadapi untuk melaksanakan sekolah satu sesi.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif penilaian ini adalah untuk,

- i. Menilai kesesuaian konsep persekolahan satu sesi dari rasional pelaksanaan, segi masa bekerja, beban kerja, kesan social pelajar, beban ibubapa, pendidikan agama, kesesakan lalulintas, kelas tusyen dan masa yang sesuai dilaksanakan.
- ii. Mengenalpasti kekangan pelaksanaan sekolah satu sesi.

Kepentingan Kajian

- i. Mengenalpasti kebaikan dan keburukan persekolahan satu sesi.
- ii. Memberi cadangan terhadap pelaksanaan persekolahan satu sesi bagi menjamin keberkesanannya.
- iii. Mengurangkan kegelisahan ibubapa terhadap beberapa kesan yang akan timbul daripada pelaksanaan sekolah satu sesi seperti pendidikan agama dan perbelanjaan sekolah.


### **BATASAN KAJIAN**

Penilaian ini hanya dijalankan terhadap empat puluh orang guru-guru di Sekolah Menengah Puchong Batu Lapan, Jalan Puchong, 4100 Puchong, Selangor. Penilaian dijalankan sekitar bulan Mac hingga April 1997. Ruang lingkup penilaian hanyalah berkisar tentang cadangan persekolahan satu sesi di sekolah bantuan penuh kerajaan Malaysia.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk Kajian

Penilaian yang dijalankan ini berbentuk tinjauan. Pembolehubah bersandar dalam penilaian ini ialah persepsi manakala pembolehubah bebas ialah jantina dan sesi. Gambarajah 9 menggambarkan rekabentuk penilaian.



Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Puchong Batu Lapan, Selangor. Sekolah ini merupakan sekolah bantuan penuh kerajaan. Pemilihan lokasi ini adalah berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti mempunyai bilangan responden yang mencukupi serta berbilang kaum dan mudah mengumpul data.

Populasi

Subjek penilaian adalah terdiri daripada empat puluh orang guru. Daripada empat puluh orang guru hanya terdapat lima orang guru lelaki. Tiga puluh satu orang guru Melayu, empat orang guru Cina dan lima orang guru India.

## **Alat Kajian**

Alat utama dalam penilaian ini ialah borang soal selidik (Lampiran A). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi responden. Bahagian B mengandungi 30 item yang berkaitan dengan persekolahan satu sesi.

Bahagian A adalah meliputi maklumat tentang jantina, bangsa, status perkahwinan, bilangan anak, bilangan anak yang telah bersekolah, bilangan anak yang bersekolah rendah dan menengah, kelulusan iktisas perguruan, pengalaman mengajar dan sesi mengajar.

Bahagian B iaitu kajian tentang persepsi responden terhadap cadangan pelaksanaan sekolah satu sesi mengandungi lima kategori jawapan iaitu:-

- Sangat setuju
- Setuju
- Tidak setuju
- Tidak setuju sama sekali
- Tiada komen

## **Penganalisaan Data**

Soal selidik yang telah lengkap dijawab dipungut kembali oleh penilai sendiri. Manakala analisis data dibuat dengan menggunakan pakej SPSS (Statistical Package For Social Science). Analisis yang digunakan ialah frekuensi, peratus, min dan ujian t. Statistik deskriptif digunakan digunakan untuk mengukur persepsi responden terhadap sekolah satu sesi

## **Definisi Operasional**

### **Persepsi**

Persepsi yang dimaksudkan dalam penilaian ini ialah fikiran, tanggapan, pandangan (menerusi pacaindera) tentang sekolah satu sesi.

### **Sekolah satu sesi**

Sekolah satu sesi ialah sistem persekolahan yang bermula pada pukul 8 pagi hingga 3.30 petang dan jadual waktu anjal bagi guru-guru.

### **Jantina**

Jantina di sini bermaksud sama ada guru lelaki ataupun guru perempuan.

### **Sesi**

Sesi yang dimaksudkan ialah sama ada responden itu mengajar di sebelah pagi ataupun di sebelah petang.

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar Belakang Responden**

Seramai 40 orang guru telah dipilih dalam penilaian ini. Daripada jumlah ini seramai 35 orang (87.5%) adalah guru-guru perempuan dan 5 orang (12.5%) adalah guru-guru lelaki. 77.5% adalah terdiri daripada guru berbangsa Melayu, 12.5% guru berbangsa Cina dan 10% adalah guru India. Statistik ini dapat dilihat pada jadual 2.

Jadual 2: Taburan responden berdasarkan jantina dan bangsa.

Jantina / Bangsa	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	5	12.5
Perempuan	35	87.5
Melayu	31	77.5
Cina	5	12.5
India	4	10

Jadual 3: Status perkahwinan, bilangan anak dan jumlah anak yang bersekolah.


Item	Kekerapan	Peratus (%)
Berkahwin	34	85
Belum berkahwin	6	15
Mempunyai anak	30	75
Anak yang bersekolah	12	30

Seramai 24 orang ataupun 60% responden mengajar pada sesi pagi dan 16 orang ataupun 40% adalah mengajar pada sesi petang.

#### Persepsi Guru Terhadap Sekolah Satu Sesi

Apabila dinilai secara keseluruhan berdasarkan skala skor item seperti yang diterangkan dalam bab metodologi penilaian didapati 24.13% daripada skor itu menunjukkan responden sangat setuju sekolah satu sesi, 31.03% setuju, 31.03% tidak setuju dan 13.8% sama adalah menunjukkan setuju dengan sekolah satu sesi. Manakala 44.83% menunjukkan tidak bersetuju dengan sekolah satu sesi. Min skor bagi item keseluruhan ialah 96.55 yang terletak dalam lingkungan setuju dengan sekolah satu sesi. Statistik ini dapat dilihat dalam gambarajah 10.

Gambarajah 1: Peratus persepsi guru terhadap sekolah satu sesi.



TSSS – Tidak Setuju Sama Sekali  
TS – Tidak Setuju  
SS – Sangat Setuju  
S – Setuju

Setelah dibuat kajian dapatan berdasarkan setiap item didapati bahawa 45% daripada responden tidak bersetuju dengan alasan kerajaan untuk melaksanakan sekolah satu sesi adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan bagi menjamin tercapainya wawasan 2020. Manakala 37.1% bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Empat puluh peratus daripada responden bersetuju bahawa sekolah satu sesi tidak sesuai dilaksanakan di negara ini sama sekali. Manakala 47.5% tidak bersetuju dengan kenyataan ini dan 12.5% tidak memberi sebarang komen. Kemudahan fizikal yang belum mencukupi menjadi alasan utama mereka memandangkan 87.5% bersetuju bahawa sekolah satu sesi tidak sesuai dilaksanakan kerana kemudahan fizikal yang masih belum mencukupi.

Bagi item ketiga, hanya 30% daripada responden yang bersetuju menyatakan sekolah satu sesi sesuai dilaksanakan. Manakala 60% tidak menyatakan sekolah satu sesi tidak sesuai dilaksanakan di negara ini. Didapati responden tidak bersetuju sekali dengan sekolah satu sesi. Enam puluh dua perpuluhan lima peratus daripada responden bersetuju menyatakan jadual waktu anjal menjadikan persekolahan satu sesi lebih tidak realistic untuk dilaksanakan. Manakala 32.5% tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

Hanya 25% sahaja daripada responden yang bersetuju bahawa profesion perguruan akan meningkat hasil daripada perlaksanaan sekolah satu sesi. 57.5% tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala 17.5% tidak memberikan sebarang komen.

Sebanyak 55% responden bersetuju bahawa guru dan pelajar tidak perlu hadir pada hujung minggu untuk menjalankan aktiviti ko-kurikulum dengan pelaksanaan sekolah satu sesi. 20% daripada responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Ini mungkin disebabkan oleh pengalaman yang lalu masih mempengaruhi padangan mereka dimana ada sesetengah guru yang terpaksa hadir pada hari ahad untuk menjalankan tugas. Lima puluh tujuh perpuluhan lima peratus responden tidak bersetuju bahawa sukanan pelajaran dapat dihabiskan dengan pelaksanaan sekolah satu sesi. Manakala hanya 27.5% bersetuju dengan jaminan ini.

Tujuh puluh dua perpuluhan lima peratus responden tidak bersetuju persekolahan satu sesi akan mengurangkan interaksi antara guru dan pelajar. Merekaa yakin bahawa interaksi antara guru dan pelajar akan menjadi bertambah baik. Manakala hanya 17.5% sahaja yang bersetuju bahawa interaksi guru dan pelajar akan berkurangan.

Enam puluh peratus daripada responden percaya bahawa guru tidak perlu kembali ke sekolah pada waktu petang untuk menjalankan aktiviti ko-kurikulum kerana aktiviti ini sudah menjadi sebahagian daripada kurikulum persekolahan satu sesi. Walaubagaimanapun 32.5% tidak yakin dengan kenyataan ini.

Tentang kerja amali, seramai 52.5% daripada responden bersetuju persekolahan satu sesi dapat menyediakan masa yang lebih untuk melakukan kerja amali. 27.5% tidak bersetuju dengan kenyataan ini dan 20% tidak memberikan sebarang komen. Para pelajar tidak dapat mengelakkan diri daripada menyertai

aktiviti ko-kurikulum dengan pelaksanaan sekolah satu sesi apabila 72.5% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala 17.5% sahaja tidak bersetuju.

Masalah sosial mungkin dapat di atasi kerana pelajar terpaksa berada lebih lama di sekolah. Kenyataan ini disokong oleh 60% responden dan 30% responden tidak bersetuju. Responden tidak bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dapat dilaksanakan kerana mereka mempunyai masa yang cukup. Ini dibuktikan dengan 52.5% responden tidak bersetuju. 22.1% sahaja responden yang bersetuju. Para pelajar akan terpaksa berada lebih lama di sekolah akibat pelaksanaan sekolah satu sesi. Ini dibuktikan dengan 72.5% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini. 20% tidak bersetuju dan 7.5% tidak memberikan sebarang komen. Keadaan ini menyebabkan pelajar terlalu penat. Di dapati 87.5% daripada responden bersetuju bahawa pelajar akan terlalu penat akibat terlalu lama di sekolah.

Guru-guru dijangkakan tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan perancangan pelajaran dan memeriksa buku dengan terlaksananya sistem ini. Manakala 30% tidak bersetuju dan 17.5% tidak memberi sebarang komen. Ibubapa juga terpaksa membelanjakan wang yang lebih untuk membeli makanan tengahari anak-anak mereka dengan terlaksananya sistem ini. Di dapati 70% daripada responden bersetuju dengan fakta ini, 10% tidak bersetuju dan 20% tidak memberi sebarang komen. Tambang bas sekolah juga mungkin akan naik kerana pengusaha bas akan menaikkan tambang sebagai ganti kekurangan bilangan perjalanan akibat pelaksanaan sekolah satu sesi. Hal ini akan meningkatkan perbelanjaan ibubapa. Ini terbukti apabila 62.5% daripada responden bersetuju dan hanya 22.5% tidak bersetuju.

Masalah beg sekolah yang berat mungkin tidak dapat di atasi kerana para pelajar terpaksa membawa lebih banyak buku dengan pelaksanaan sekolah satu sesi. Seramai 67.5% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini berbanding hanya 20% tidak setuju. Isu kelas agama yang akan terjejas mungkin menjadi kenyataan. Ini kerana mata pelajaran agama yang diajar di sekolah tidak dapat menggantikan kelas agama waktu petang. Akibatnya akhlak pelajar dijangka merosot. Kenyataan ini dibuktikan dengan 60% daripada responden bersetuju bahawa kelas agama akan terjejas, 47.5% tidak bersetuju mata pelajaran agama sekolah mampu menggantikan kelas agama waktu petang dan 55% bersetuju bahawa akhlak pelajar akan merosot kerana kelas agama waktu petang akan tergendala.

Kelas tusyen juga dijangka akan terjejas dengan pelaksanaan sekolah satu sesi. Ini terbukti apabila 55% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini dan hanya 22.5% tidak bersetuju. Masalah kesesakan jalan raya yang melanda bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dijangka lebih buruk apabila sistem ini dijalankan. Hal ini terbukti apabila seramai 90% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini dan hanya 5% tidak bersetuju.

Pertambahan beban guru mungkin menjadi kenyataan memandangkan 92% daripada responden bersetuju dengan guru tidak akan bertambah. Ia disebabkan guru terpaksa menyediakan bahan pengajaran yang lebih. Sebagai akibatnya mutu pengajaran guru akan merosot. Kenyataan ini dibenarkan dengan 82.5% daripada responden bersetuju bahawa guru terpaksa menyediakan bahan pengajaran yang lebih dan 82.5% bersetuju dengan kenyataan bahawa mutu pengajaran guru akan merosot akibat beban kerja yang lebih.

Kemungkinan masalah kekurangan guru akan terus meningkat memandangkan 72.5% bersetuju bahawa ramai guru akan berpindah profesion akibat pelaksanaan sekolah satu sesi. Hanya 10% daripada responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Secara keseluruhannya, 7.5% daripada responden menyatakan sekolah satu sesi hanya boleh dilaksanakan pada tahun 2000, 7.5% pada tahun 2005, 30% pada tahun 2010 dan 55% menyatakan boleh dilaksanakan selepas tahun 2020.

### **Persepsi responden mengikut jantina**

Setelah ujian t dijalankan didapati persepsi responden mengikut jantina tidak signifikan perbezaannya. Nilai t ialah 1.325 dan signifikannya ialah .193. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan sample yang dipilih tidak mempunyai bilangan responden lelaki dan wanita yang seimbang.

### **Persepsi responden mengikut sesi**

Setelah ujian t dijalankan persepsi responden mengikut sesi tidak signifikan perbezaannya. Nilai t ialah .058 dan signifikannya ialah .954.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

### Persepsi guru terhadap persekolahan satu sesi

Daripada penilaian yang dibuat, didapati persepsi guru terhadap cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan persekolahan satu sesi adalah positif. Walaubagaimanapun peratusan persepsi yang positif tidaklah terlalu besar berbanding dengan peratusan persepsi negatif, tambahan pula 55% daripada responden menyatakan sekolah satu sesi hanya boleh dilakukan selepas tahun 2020. Hal ini berlaku kerana sebarang perubahan yang diperkenalkan memang sukar diterima secara sepenuhnya pada peringkat permulaan seperti yang diterangkan oleh teori perubahan (change) yang pernah dibincangkan sebelum ini. Perubahan secara menyeluruh akan berlaku apabila ia sudah diadaptasikan sepenuhnya.

Pada umum kesesuaian konsep sekolah satu sesi dapat diterima oleh guru-guru. Antara elemen-elemen yang ternyata mendapat persetujuan ramai responden ialah kelancaran perjalanan aktiviti ko-kurikulum, peningkatan interaksi antara guru dan pelajar, masalah sosial yang didapati apabila pelajar terpaksa berada lebih lama di sekolah dan pelajar mempunyai masa yang banyak untuk melakukan latihan amali. Kesesuaian konsep ini mudah diterima oleh responden memandangkan perubahan ini tidak memberi sebarang kesan negatif kepada mereka seperti yang dibincangkan dalam teori perubahan (change).

Walaubagaimanapun disebalik kesesuaian itu terdapat banyak kekangan yang dikenalpasti hasil daripada penilaian ini. Masalah beban kerja yang menjadi isu utama pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan mungkin akan menjadi penghalang utama pelaksanaan sistem baru ini. Pihak guru merasakan beban yang akan ditanggung adalah terlalu berat dan sukar dilaksanakan dengan efektif. Mutu pengajaran guru akan terjejas apabila guru dibebankan dengan kerja terlalu banyak. Beban guru yang sedia ada mungkin menjadi penyebab besar mempengaruhi persepsi mereka dalam aspek ini.

Dijangkakan banyak guru akan meninggalkan profesi perguruan kerana tidak tahan dengan beban yang akan ditanggung. Sistem persekolahan dua sesi yang ada sekarang mungkin menjadi faktor penarik kepada guru untuk terus kekal dalam profesi ini. Apabila sistem ini berubah, kemungkinan lebih baik bagi mereka bertukar ke profesi lain yang lebih menguntungkan dengan jangka masa kerja yang sama.

Para pelajar akan terlalu penat dengan sistem baru ini. Hal ini berlaku apabila mereka terpaksa belajar lebih lama dan menjalankan pelbagai aktiviti ko-kurikulum. Jumlah buku yang bertambah akan menjadikan beg sekolah mereka bertambah berat. Fenomena ini tidak akan menyelesaikan masalah ‘beg berat’ yang hangat dibincangkan satu ketika dahulu. Apabila hal sedemikian berlaku, tumpuan serta minat pelajar untuk ke sekolah akan merosot dan secara langsungnya menggagalkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan generasi yang mempunyai mutu pendidikan yang tinggi.

Kerisauan ibubapa tentang kelas agama pada waktu petang akan menjadi penghalang besar terhadap cadangan sistem baru ini. Para guru yang juga ibubaga tidak bersetuju kelas agama waktu petang tergenda memangangkan mata pelajaran agama yang diajar di sekolah tidak dapat menggantikan pendidikan agama waktu petang. Kekurangan pendidikan agama yang diterima oleh pelajar akan memburukkan lagi masalah sosial yang melanda negara ini. Hal ini merungsingkan fikiran ibubapa hari ini.

Perbelanjaan ibubapa terhadap persekolahan anak mereka akan bertambah. Wang yang lebih terpaksa diperuntukkan untuk membeli makanan tengahari dan untuk membayar tambang bas yang dijangka akan naik. Apabila ini berlaku ia akan menjadi masalah besar kepada ibubapa yang berpendapatan rendah seterusnya menjelaskan kelancaran sistem baru ini.

Masalah kesesakan jalan raya yang memang teruk terutamanya di Kuala Lumpur akan menjadi bertambah buruk apabila waktu balik sekolah bertembung dengan waktu pulang pekerja sektor awam dan swasta. Oleh yang demikian ia akan menjadi rungutan masyarakat dan secara tidak langsung memberi tamparan hebat kepada pelaksanaan sekolah satu sesi.

Kelas-kelas tusyen yang biasa dihadiri oleh pelajar pada waktu petang juga akan terjejas. Pengusaha-pengusaha kelas tusyen akan menghadapi masalah untuk menyusun waktu tusyen memandangkan waktu yang ada telah dipenuhi di sekolah. Hal ini akan menjelaskan pendapatan mereka dan pencapaian pelajar dalam peperiksaan yang akan dihadapi.

### **Hubungan antara jantina responden dengan persepsi yang dibuat.**

Seperti yang dijelaskan dalam bab dapatan penilaian, perbezaan jantina tidak mempengaruhi persepsi guru terhadap cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan persekolahan satu sesi. Ini bermakna guru dan wanita memberi pandangan yang seimbang terhadap cadangan ini.

### **Hubungan antara sesi persekolahan responden dengan persepsi yang dibuat.**

Perbezaan sesi guru-guru sekolah ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap persepsi yang dibuat. Ini bermakna guru sesi pagi dan petang tidak terpengaruh dengan sesi kerja masing-masing dalam memberi persepsi mereka tentang sekolah satu sesi.

### **Implikasi Kajian**

Hasil kajian yang telah dijalankan adalah wajar bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil beberapa langkah tertentu untuk memastikan masalah yang dijelaskan di atas tidak berlaku ataupun dapat dikurangkan kadarnya. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ialah seperti berikut:-

- i. Memastikan jadual waktu anjal yang akan dijalankan benar-benar praktikal.
- ii. Memastikan beban kerja guru tidak terlalu banyak. Ia dapat direalisasikan dengan guru dibantu oleh pekerja lain seperti untuk menyediakan alat bantuan mengajar membeli peralatan sekolah dan sebagainya. Ini bermakna guru hanya menumpukan perhatiannya terhadap pengajaran.
- iii. Mata pelajaran agama mestilah diberi penekanan lebih dan disusun supaya lebih berbentuk praktikal yang dapat dilihat hasilnya dengan mudah.
- iv. Kemudahan prasarana sekolah perlu diperbaiki bagi menampung bilangan pelajar yang ramai. Bilangan murid bagi sebuah kelas harus diminimakan kepada 30 orang berbanding 40 hingga 50 orang sekarang ini.
- v. Kebajikan guru perlu dijaga. Misalnya gaji yang berpatutan, suasana kerja yang selesa dan imbuhan-imbuhan lain yang sesuai dengan taraf profesion mereka.

### **CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian ini hanya dijalankan terhadap 40 orang guru dari sebuah sekolah sahaja. Dari segi penilaian, ia hanya berdasarkan respon yang diberi oleh responden melalui soal selidik. Oleh itu ada diharapkan kajian yang lebih luas tentang hal ini dapat dilakukan berdasarkan cadangan-cadangan berikut:-

- i. Kajian yang melibatkan jumlah responden yang lebih ramai dan pelbagai lapisan masyarakat yang dapat mewakili populasi sebenar mampu memberi data yang lebih tepat terhadap sekolah satu sesi. Misalnya di peringkat nasional yang boleh dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau oleh pihak-pihak lain.
- ii. Membuat kajian dengan membandingkan persepsi guru sekolah rendah dan guru sekolah menengah.
- iii. Mengambil pelajar sebagai responden untuk mewakili populasi pelajar. Dengan ini persepsi pelajar dapat diketahui serta dapat memberi input atau maklumat yang berguna terhadap cadangan sekolah satu sesi ini.
- iv. Membuat kajian terhadap sekolah satu sesi yang dijalankan oleh negara-negara maju di luar negara.
- v. Membuat kajian pra dan post terhadap persekolahan satu sesi. Ini bermakna pihak penilai akan menjalankan penilaian sebelum ini berjalan dan sesudah ia dijalankan.

## BIBLIOGRAFI

Abu Zahari Abu Bakar (1980), Perkembangan Pendidikan Di Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Bennet Claude (1975), "Up The Hierarchy-A staircase To Measuring Extension's Impact", Journal of Ezension, American Printing and Publishing Company, Madison, Wisconsin 53713, Vol. XIII, Marc/April.

Bound Raymond (1991), Theories of Social Change, New York: Polity Press.

Brinkerhoff R.D.; Brethover, D.M.; Hluchyj, T., and Nowakowski, J.R. (1983), Program Evaluation: A Practitioner's Guide for Trainers and Educators. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing.

Carnall Collin (1991), Managing Change, London: Routledge.

Carlson R.O. (1971), Change Processes In The Public Schools, Oregon: Universitiy of Oregon.

Clarke Liz (1994), The Essence of change, New York: Prentice Hall.

Dalziel M. Murray dan Schoonover S.C. (1988), Changing Ways, New York: Amacon.

Ibrahim bin Mamat (1996), Reka Bentuk Dan Pengurusan Latihan Konsep Dan Amalan, Kuala Lumpur: DBP.

Kamrudin Hj. Husin (1994), KBSM Dan Strategi Pengajaran Bahasa, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Krauss Deutsch (1965), Theories In Social Psychology, New York: Basic Books.

Lewin Kurt (1952), Field Theory In Social Science, London: Tavistock Publication.

Logsdon David (1975), "Can an Evaluation be Practical? Tis Author Says yes and Proves it.", Journol of Extension, American Printing and Publishing Company, Madison, Wisconsin 53713, Vol. XIII, March/April.

Loo Chee Kuang (1991), Peperiksaan Am Kerajaan, Johor Baharu: Pelangi.

McCalman James & Paton R.A (1993), Change Management A Guide to Effective Implementation, Glasgow: Paul Chapman Publishing.

Nazarudin M. Jali (1992), Kenegaraan Malaysia 1: Sejarah Awal dan Kemerdekaan, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rahim M. Sail (1976), "Penilaian Sebagai Satu Cara Dalam Proses Pembentukan Program", Majalah Pengembangan, 1 (4): 4-8. Serdang: UPM.

Razak Mamat dan Muhammad Zakaria (1989), Fakta dan Maklumat Kenegaraan Malaysia, Petaling Jaya: Longman.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain (1982), Pembinaan Bahasa Melayu Perancangan Bahasa Di Malaysia, Kuala Lumpur: DBP.

White R.E. (1994), Creating Growth From Change, London: McGraw-Hill Book Company.

Rujukan daripada Akhbar

1. Berita Harian, 12 Januari 1997 – "KPPK Setuju Sekolah Satu Sese."

2. Berita Berita, 11 Januari 1997 - “ Kelebihan Kelas Satu Sesi oleh Abu Hassan Adam.”
3. The Star, 26 Januari 1997 – “ A Long Way From Single Sessions.” By Leanne Goh and Frederick Fenandez.
4. Utusan Malaysia, 11 Januari 1997 – “Kesatuan Guru Setuju Sekolah Satu Sesi.”
5. Utusan Malaysia, 12 Januari 1997 – “ Guru Satu Sesi Boleh Lewat Dua Jam” oleh Jaafar Ahmad.
6. Utusan Malaysia, Januari 1997 – “Sokong Sekolah Satu Sesi.” Oleh G. Manimaran.